

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
(KUALA NERUS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.05.2016

Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah ada suatu perancangan Kerajaan untuk menggantikan GST dengan cukai simpanan terhadap institusi kewangan dan deposit di bursa saham.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan GST dengan mengenakan cukai yang akan merupakan suatu tambahan kepada cukai yang sedia ada ke atas simpanan di institusi kewangan

dan deposit di bursa saham. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pendapatan daripada simpanan dalam institusi kewangan seperti faedah dan keuntungan adalah dikenakan cukai pendapatan. Namun begitu, terdapat layanan pengecualian cukai pendapatan yang telah diberikan ke atas pendapatan tersebut yang diterima oleh individu untuk tujuan menggalakkan rakyat membuat tabungan di institusi kewangan dan perbankan dalam negara. Pendapatan daripada pelaburan di bursa saham pula hanya dikenakan cukai pendapatan jika ia merupakan aktiviti yang dijalankan secara konsisten dan dengan itu merupakan aktiviti perniagaan kepada sesuatu syarikat atau pihak individu.

Sistem percukaian GST mempunyai matlamat yang berbeza memandangkan ia bertujuan untuk mengutip cukai daripada perkhidmatan tertentu yang ditawarkan kepada pengguna termasuk perkhidmatan yang dijalankan oleh institusi kewangan dan perbankan seperti perkhidmatan penghantaran atau kiriman wang. Sistem percukaian GST tidak sewajarnya menggantikan sistem percukaian ke atas pendapatan yang diperolehi ke atas simpanan. Di bawah sistem percukaian GST, perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan dan kewangan adalah dikategorikan sebagai pembekalan dikecualikan (*exempt supply*) sekiranya ianya adalah aktiviti berasaskan faedah. Ini bermaksud, tiada GST yang akan dikenakan ke atas simpanan atau pelaburan yang dibuat. GST akan hanya

dikenakan ke atas apa-apa fi yang dikenakan oleh mana-mana institusi perbankan dan kewangan. Sebagai contoh, GST pada kadar 6% akan dikenakan ke atas caj fi bagi pengeluaran wang dari mesin pengeluaran wang (ATM) dan caj fi yang dikenakan oleh broker saham.